



PEGAWAI SPRM PERLU DIPERSIAP DENGAN PENGETAHUAN MENGENAI CRYPTOCURRENCY DALAM USAHA MENGEKANG JENAYAH PENGUBAHAN WANG HARAM

Kuala Lumpur, 8 Jul. – Pegawai-Pegawai SPRM perlu dipersiapkan dengan pengetahuan dan kepakaran mengenai *cryptocurrency* bagi mengekang jenayah rasuah dan pengubahan wang haram.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali berkata, transaksi *cryptocurrency* kini menjadi pilihan penjenayah kerana lebih sukar dikesan dan dibuktikan berbanding dengan siasatan transaksi perbankan biasa.

"Kesukaran membuktikan kesalahan merupakan tarikan utama penggunaan *cryptocurrency* dalam jenayah pengubahan wang haram. Kajian dijalankan sebuah syarikat data *blockchain* iaitu *Chainalysis* mendapati sebanyak 6.4 bilion pound sterling terlibat dalam pengubahan wang haram pada tahun 2021 menerusi transaksi wang kripto.

"Pihak Europol dan agensi polis Kesatuan Eropah menjangkakan keadaan ini menjadi lebih tinggi pada masa hadapan di mana penjenayah akan lebih *sophisticated* dalam mengaplikasikan transaksi *cryptocurrency* bagi menjadikan skema pengubahan wang haram lebih kompleks seterusnya menyukarkan penguat kuasa undang-undang mengesan serta mengambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu menyempurnakan Majlis Penutupan Kursus 'Understanding The Cryptocurrency Outlook & Probing Methodology Course' di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), hari ini.

Datuk Seri Norazlan berkata, bagi mempersiapkan dan memantapkan pasukan penyiasat di Suruhanjaya ini dalam menyiasat kes rasuah atau pengubahan wang haram melibatkan *cryptocurrency*, SPRM perlu mengambil langkah menjalin kerjasama kukuh dengan agensi lain seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau turut menyarankan agar ditubuh satu pasukan dalam bentuk *task force* yang terlatih secara berterusan sama ada di dalam atau di luar negara untuk dijadikan pasukan penyiasat khas apabila terdapat kes melibatkan *cryptocurrency*.

Katanya, beliau menyambut baik perancangan untuk menjadikan kursus membabitkan *cryptocurrency* sebagai kursus tahunan dalam kalendar kursus MACA yang diadakan sebanyak dua kali setahun.

Namun, beliau berpendapat bahawa *targeted training* membabitkan pasukan *task force* adalah lebih sesuai dan efektif agar peruntukan kewangan dan kos latihan akan memberikan pulangan berimpak tinggi dengan mengambil kira jangkaan kadar kes melibatkan *cryptocurrency*.

"Adalah lebih baik mempunyai satu *task force* yang benar-benar berpengetahuan dan berkepakaran tinggi daripada mempunyai ramai pegawai yang hanya didedahkan dengan pengetahuan peringkat asas *cryptocurrency*," katanya.

Menerusi kursus anjuran bersama Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dan MACA itu, seramai 28 pegawai SPRM Gred P41 hingga P54 dari setiap bahagian dan negeri didedahkan dengan pengetahuan mengenai *cryptocurrency* dalam jenayah rasuah dan pengubahan wang haram.

Kursus yang julung kali diadakan merupakan satu inisiatif daripada Pelan Strategik SPRM Tahun 2021-2025 bagi meningkatkan kemahiran dan tindakan pegawai penyiasat dalam kes melibatkan mata wang kripto menerusi kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 serta Kanun Keseksaan.

Turut hadir Pengarah MACA, Dato' Haji Idris Zaharudin dan Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, TPJ Mohamad Zamri Zainul Abidin.

